



## BAHAGIAN KAWALAN RACUN PEROSAK DAN BAJA

Tingkat 4-6, Wisma Tani  
Jalan Sultan Salahuddin  
50632 Kuala Lumpur

### MEMO PERHUBUNGAN AWAM

---

Daripada	: <b>PENGARAH BAHAGIAN KAWALAN RACUN PEROSAK DAN BAJA</b>
Kepada	: 1. MPMA (Malaysia Pest Management Association ) 2. Semua Pemohon – Pemohon Peperiksaan Pemakai & Pembantu Pemakai Bil.1/2020 & Bil.2/2020 3. Semua Syarikat – syarikat Pengendali Kawalan Makhluk Perosak Seluruh Malaysia
Perkara	: <b>PENANGGUHAN PEPERIKSAAN PEMAKAI &amp; PEMBANTU PEMAKAI BIL.1/2020 dan BIL. 2/2020</b>
Tarikh	: 14 OKTOBER 2020 (RABU)

---

Tuan/puan,

Merujuk kepada perkara di atas, dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Peperiksaan Pemakai dan Pembantu Pemakai Bil.1/2020 & Bil.2/2020 akan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan ditetapkan dan tempat yang akan ditentukan kemudian. Tindakan ini dibuat setelah mengambil kira saranan MKN & Kementerian Kesihatan yang tidak menggalakkan perhimpunan besar atau aktiviti perkumpulan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKPB) yang berkuatkuasa pada 14.10.2020 hingga 27.10.2020 ini bagi mencegah kemungkinan jangkitan COVID-19 yang lebih teruk lagi.

2. Bagi pemohon yang telah memohon secara *online*, *hardcopy* permohonan lengkap hendaklah dihantar seperti biasa ke Bahagian Kawalan Racun Makhluk Perosak dan Baja Kuala Lumpur bagi tujuan kelulusan untuk menduduki peperiksaan Pemakai dan Pembantu Pemakai Bil.1/2020 dan Bil.2/2020 yang akan ditentukan kelak.

3. Pemberitahuan berkenaan tarikh baharu bagi Peperiksaan Pemakai dan Pembantu Pemakai Bil.1/2020 & Bil.2/2020 akan dibuat melalui Portal Rasmi Jabatan Pertanian setelah ianya dimuktamadkan. Sebarang pertanyaan lanjut, tuan/puan boleh menghubungi pegawai kami (Isa Anak Tawan/ Mohamad Rizalasri Bin Che Hashim/ Dan Nazhari Bin Samsudin) di talian 03-20301463/1457/1469.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya Yang Menjalankan Amanah

( **MOHAMMAD NAZRUL FAHMI ABDUL RAHIM** )  
Setiausaha,

Lembaga Racun Makhluk Perosak dan Baja

Tarikh : 14.10.2020